



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2014/2015

### Kertas Soalan Peperiksaan

**Kod Kursus : SC 0308**

**Nama Kursus : Prinsip Siasatan & Perlaksanaan  
Undang-Undang**

**Peringkat Kursus : Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah**

**Masa : 3 jam**

### Rujukan

**Kanun Tatacara Jenayah (Penggal 7)**

### Nota :

- 1) Jawab mana-mana empat (4) soalan Sahaja.
- 2) Sokong jawapan Awda dengan peruntukan-peruntukan perundangan yang berkenaan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **Soalan Pertama (15 markah)**

Takrif "tangkapan" adalah lebih luas di bawah common law dibandingkan dengan peruntukan di bawah Kanun Tatacara Jenayah (Penggal 7) Brunei Darussalam.

Huraikan takrif "tangkapan" di bawah kedua-duanya dengan menerangkan persamaan dan perbedaannya.

### **Soalan Kedua (15 markah)**

Pernyataan beramaran (cautioned statements) hanya boleh dibentang di mahkamah sebagai bukti keterangan setelah tangkapan dilakukan ke atas orang yang kena tuduh (OKT).

Sila terangkan prinsip perundangan di atas dengan merujuk peruntukan di bawah Kanun Tatacara Jenayah (Penggal 7) Brunei Darussalam.

### **Soalan Ketiga (15 markah)**

Hak-hak orang yang ditangkap telah diperuntukkan secara jelas di bawah undang-undang. Sila senaraikan hak-hak tersebut dan apakan akibatnya sekiranya hak-hak tersebut diabaikan?

### **Soalan Keempat (15 markah)**

Penggeledahan adalah proses penting bagi mendapatkan bahan bukti di dalam sesuatu penyiasatan. Terangkan tatacara penggeledahan di dalam kes-kes berikut:

- (a) Mengesan orang dalam premis
- (b) Pemeriksaan badan wanita
- (c) Penyediaan senarai barang-barang rampasan

### **Soalan Kelima (15 markah)**

Semasa merakam pernyataan pegawai penyiasat mestilah memastikan yang percakapan tersebut diberikan secara bebas dan sukarela tanpa unsur-unsur negatif yang boleh menjelaskan kesahihan dan kebenarannya.

Huraikan unsur-unsur negatif tersebut dan berikan rasional di sebalik penolakannya.

### **Soalan Keenam (15 markah)**

Tulis nota ringkas ke atas mana-mana tiga (3) daripada tajuk di bawah:

- (a) Kuasa mencegah jenayah
- (b) Tangkapan oleh orang awam
- (c) Laporan polis
- (d) Bahan bukti yang diperolehi secara tidak sah
- (e) Kesalahan-kesalahan boleh tangkap tanpa waran